

CNS6744

R GR 11-08 00155 BH844

AAB

Mahathir - Latihan

PELABUHAN KLANG, 11 Ogos (Bernama) -- Malaysia tidak mempunyai niat buruk terhadap Singapura dalam latihan ketenteraan +Malindo Darsasa Ketiga+ Malaysia-Indonesia, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini. Perdana Menteri berkata, latihan itu sudah lama dirancang tetapi secara kebetulan bertembung dengan persiapan republik itu untuk menyambut Hari Kebangsaan.

+Singapura tidak harus curiga kerana kita tidak berniat buruk,+ katanya kepada pemberita selepas menaiki kapal Diraja +Puteri Kayangan+ atas jemputan Sultan Selangor di sini.

Beliau mengulas kebimbangan Singapura terhadap latihan itu, yang disuarakan melalui ruangan forum akhbar +Straits Times Singapore+ sejak beberapa hari lepas.

Sementara itu, Datuk Seri Dr Mahathir dan isteri, Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohamad Ali telah dibawa mengelilingi perairan Pelabuhan Klang dan Pulau Lumut dalam pelayaran selama dua jam itu.

Kapal itu yang tiba dari Woodlands, Singapura minggu lepas dibina di Florida, Amerika Syarikat. -- Bernama

♥11/08/20-24MST